

SOALAN NO. 188**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT TUAN JEFF OOI CHUAN
AUN [JELUTONG]**

SOALAN :

YB Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan laporan lengkap mengenai kerangka siasatan dan jadual masa bagi menyiapkan Royal Commission of Inquiry (RCI) ke atas ketirisan dan kerugian raksasa kerana penglibatan Bank Negara dan pentadbiran Kerajaan Persekutuan dalam aktiviti Pertukaran Matawang Asing pada penghujung abad ke-19 yang lalu. Adakah Tan Sri Nor Mohamed Yakcop salah seorang pemain yang paling penting dalam siasatan ini.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong telah memperkenankan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat kerugian Bank Negara Malaysia sekitar tahun 1980-an dan 1990-an.

Seterusnya, YBhg Tan Sri Mohd Sidek Hassan telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Siasatan Diraja dan diberi tempoh tiga bulan mulai tarikh kuat kuasa penubuhannya bagi menyelesaikan penyiasatan dan menyembahkan laporannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

SOALAN : 189

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan laporan kemas kini tentang prosedur guaman berkenaan olahan mahkamah antarabangsa serta butiran-butiran teknikal yang lengkap bagi nahas udara MH370 dan MH17 yang berlaku pada tahun 2014. Apakah jumlah pampasan setakat ini bagi semua mangsa yang terkorban.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi pencarian pesawat MH370 oleh pasukan operasi melibatkan Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China (RRC) di kawasan tambahan seluas 120,000 kilometer persegi di Lautan Hindi telah selesai dilaksanakan dan digantung pada 17 Januari 2017.

Keputusan menggantung operasi pencarian pesawat MH370 adalah selaras dengan persetujuan yang dicapai pada Mesyuarat Tripartite Peringkat Menteri di antara Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China (RRC) yang telah diadakan pada 22 Julai 2016. Melalui mesyuarat tersebut, ketiga-tiga negara telah bersetuju sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baru yang sahih dan kukuh (*credible*) diperolehi, maka operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan.

Susulan daripada penggantungan operasi pencarian pesawat MH370, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) telah mengetuai pasukan bertindak (*response team*) yang diwujudkan untuk memantau secara berterusan bukti-bukti baru berkaitan MH370.

Bagi nahas pesawat MH370, setakat ini, seramai 124 (112 penumpang dan 12 krew) daripada 227 waris penumpang dan krew nahas pesawat MH370 telah menerima pampasan akhir. Selebihnya, seramai 103 waris penumpang nahas pesawat MH370 yang belum menerima pampasan sedang mengadakan rundingan dengan peguam yang dilantik oleh MAS dan dalam tindakan undang-undang kepada MAS.

Laporan Akhir Penyiasatan yang menyeluruh dan terperinci sedang disediakan dan dijangka akan dikeluarkan dalam tempoh satu tahun daripada tarikh pengumuman penggantungan operasi pencarian iaitu selewat-lewatnya pada Januari 2018. Berdasarkan hasil siasatan, pasukan penyiasat akan mengemukakan satu laporan yang terperinci dan syor-syor penambahbaikan keselamatan industri penerbangan awam negara kepada pihak-pihak yang berkepentingan (*stakeholders*).

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi nahas udara MH17, Malaysia bersama-sama dengan negara-negara yang diwakili dalam Pasukan Penyiasatan Bersama (*Joint Investigation Team – JIT*) yang lain iaitu Australia, Belanda, Belgium dan Ukraine telah mencapai persetujuan untuk memilih opsyen pendakwaan nasional sebagai opsyen pendakwaan terbaik bagi membawa pihak yang menembak jatuh pesawat MH17 ke muka pengadilan. Pendakwaan tersebut akan dilakukan di bawah sistem perundangan Belanda. Antara faktor utama pemilihan opsyen pendakwaan nasional di Belanda adalah disebabkan oleh majoriti besar mangsa nahas tersebut adalah warganegara Belanda dan Belanda telah mengkoordinasi siasatan jenayah sejak dari awal dan semua bukti berhubung nahas tersebut berada di negara tersebut. Selain daripada itu, semua negara-negara dalam JIT menyokong dan mempunyai kepercayaan penuh kepada sistem keadilan Belanda. Oleh yang demikian, isu olahan mahkamah atau tribunal antarabangsa tidak berbangkit lagi.

Berhubung butiran-butiran teknikal yang lengkap bagi nahas MH17 yang berlaku pada tahun 2014, laporan akhir siasatan teknikal nahas MH17 yang dijalankan selaras dengan Annex 13 kepada *Convention on International Civil Aviation (Chicago Convention)* telah dikeluarkan oleh

Laporan akhir siasatan DSB ini boleh diakses melalui laman web <https://www.onderzoeksraad.nl/en>.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi nahas pesawat MH17, setakat ini, seramai 251 daripada 298 waris penumpang dan krew nahas pesawat MH17 telah menerima pampasan akhir. Selebihnya, seramai 47 waris penumpang dan krew nahas pesawat MH17 yang belum menerima pampasan sedang berunding dengan peguam yang dilantik MAS serta dalam tindakan undang-undang kepada MAS.